

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94

April 1994

HLT 302 Teater India, China dan Jepun

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab LIMA [5] soalan. SOALAN 1 daripada Bahagian A WAJIB dijawab, DUA [2] soalan daripada Bahagian B dan SATU [1] soalan daripada setiap Bahagian C dan D.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Soalan ini WAJIB dijawab

1. Bincangkan ciri-ciri persembahan dan jenis-jenis teater yang digunakan oleh anda didalam bahagian praktikal kursus ini. Berikan justifikasi serta keterangan mengenai pilihan anda. Bagi pendapat anda, adakah projek anda itu berjaya?

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

2. Tuliskan sebuah essei mengenai isi kandungan kitab Natyasastra karya Bharata Muni. Bagi pendapat anda apakah kepentingan kitab tersebut bagi drama dan teater India?
3. Bincangkan dengan mendalam konsep Rasa seperti terdapat didalam teater klasik India. Untuk menggambarkan perbincangan anda, anda diperlu merujuk kepada skrip-skrip drama yang sesuai..
4. Dengan merujuk kepada skrip-skrip drama Sanskrit pilihan anda serta juga kepada jenis-jenis teater rakyat di India, bincangkan dengan mendalam istilah-istilah "teater klasik" dan "teater rakyat" dengan tujuan untuk menerangkan persamaan serta perbezaan dari segi stail, kandungan, pementasan dan aspek-aspek lain.

BAHAGIAN C - Jawab SATU [1] soalan

5. Bandingkan Opera Beijing tradisional (Jingju) dengan Model Opera Beijing Revolutionari Kontemporari (Model Revolutionary Contemporary Beijing Opera) dari segi isi kandungan, cara pementasan, jenis-jenis peranan (role types) dan lakonan. Gunakan contoh-contoh dari skrip drama dan pementasan yang sesuai.
6. Jelaskan dan bincangkan dua (2) daripada konsep-konsep yang berikut:
 - (a) Dialog-dialog tentang seni di Yen-an (Talks at the Yen-an Forum on Art and Literature) dan maklumat bagi teater dalam Revolusi Kebudayaan (Cultural Revolution) mengikut Jiang Qing.
 - (b) Tiga prinsip estetika yang pokok dalam Opera Cina (xiqu).
 - (c) Jenis-jenis peranan (role types) yang terdapat dalam Opera Beijing (jingyu).
 - (d) Baixi dan zhezhi.

Anda diminta menggunakan contoh-contoh dari skrip drama, bentuk-bentuk teater atau persembahan-persembahan yang sesuai untuk menggambarkan jawapan anda.

BAHAGIAN D - Jawab SATU [1] soalan

7. Bincangkan dengan agak mendalam perkara-perkara yang berikut:
 - (a) Konsep "tanggung-jawab" (duty) yang menentang "perasaan manusia" (human feelings) dalam drama Bunraku.
 - (b) Sumbangan Zeami dan Kanami terhadap teater Noh.

Anda diminta menggunakan contoh-contoh skrip drama yang sesuai untuk menggambarkan jawapan anda.

8. Lukiskan pelan lantai panggung tradisional teater Noh dan namakan bahagian-bahagian pentas dan kedudukan ciri-ciri architectural yang penting dalamnya, serta kedudukan ahli muzik. Bincangkan pentas ini dari segi keperluan, falsafah dan tujuan, persembahan teater Noh. Bincangkan perubahan-perubahan yang terjadi pada pentas ini untuk teater Kabuki dari sudut perubahan-perubahan konteks sosial dan tujuan persembahan.

-ooo000ooo-